# Pelaksanaan Operasi BE 2026

**Fasa 1**

Pertubuhan Mikro & Informal
**5 Januari – 28 Februari 2026**

Operasi awal pengumpulan data berfokus kepada pertubuhan mikro dan sektor ekonomi informal

**Fasa 2**

PKS (Mikro, Kecil & Sederhana)
**1 Mac – 30 Jun 2026**

Operasi utama meliputi pertubuhan mikro, kecil dan sederhana merentasi semua sektor ekonomi

**Fasa 3**

Pertubuhan Sederhana & Besar
**1 Jun – 31 Oktober 2026**

Operasi utama melibatkan pertubuhan bersaiz sederhana dan besar

# Bilangan Pertubuhan aktif di Malaysia

**Jumlah liputan BE 2026* 1,342,022**

**Perkhidmatan**
2026*:1,121,572
2023: 951,862

**Pembuatan**
2026*: 74,308
2023: 54,505

**Pertanian**
2026*: 25,010
2023: 12,998

**Pembinaan**
2026*:117,778
2023: 71,062

**Perlombongan & Pengkuarian**
2026*: 3,354
2023: 1,440

Nota
* Rangka pertubuhan aktif Liputan BE 2026 berdasarkan Malaysia Statistical Business Register (MSBR) sehingga 29 Disember 2025

Tidak termasuk:
- Pentadbiran Awam & Pertahanan, Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib;
- Aktiviti Badan & Pertubuhan Luar Wilayah;
- Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan, Aktviti Mengeluarkan Barangan & Perkhidmatan yang Tidak Dapat Dibezakan Oleh Isi Rumah Untuk Kegunaan Sendiri

# Keberhasilan BE 2026

## Sokongan Dasar Berasaskan Bukti *(Evidence-Based Policy)*

- Dapatan Banci Ekonomi 2026 menjadi input kepada kerajaan untuk membuat keputusan berasaskan kepada fakta atau bukti bagi membuat perancangan dan dasar negara;
- Makumat profiling pertubuhan perniagaan juga dapat diperolehi melalui;
- Indikator baru seperti tahap penggunaan teknologi AI, ketersediaan data kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU) dan warga emas di premis perniagaan;

## *Benchmark* atau standard baharu

Untuk menilai serta memperkemas statistik ekonomi sedia ada, termasuk Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), guna tenaga, pelaburan dan sektor ekonomi.

## Peningkatan Kapasiti Statistik dan Data Raya (*Big Data*)

Memperkukuh penggunaan data raya, analitik lanjutan, dan integrasi pelbagai sumber data dalam sistem statistik nasional

## Statistik baharu berdasarkan dapatan banci ini seiring dengan perkembangan teknologi

Memenuhi keperluan pemegang taruh dalam pembuatan keputusan serta penggubalan dasar-dasar Kerajaan


Jabatan Perangkaan Malaysia Blok C6 & C7, Kompleks C Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62514 Presint 1 Wilayah Persekutuan Putrajaya

@Banci Ekonomi 2026 | +6 03 8885 7000 | www.dosm.gov.my | info@dosm.gov.my data@dosm.gov.my


KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**BANCI EKONOMI 2026**
**DATA NADI EKONOMI RAKYAT**



@StatsMalaysia

# Latar Belakang

- Banci Ekonomi (BE) dilaksanakan setiap lima tahun. Kali pertama dijalankan pada tahun 2001.
- BE 2026 merupakan banci ke-6
- BE 2026 akan **meliputi semua aktiviti ekonomi** termasuk Perdagangan Borong dan Runcit
- Meliputi keseluruhan pertubuhan perniagaan dan "pertubuhan tidak berasaskan keuntungan"
- Tempoh pelaksanaan bermula tahun 2025-2027

# Objektif

**1** Mengumpul maklumat tentang pertumbuhan,sumbangan, komposisi dan taburan output, nilai tambah, guna tenaga dan profil ekonomi.

**2** Mengenalpasti industri dan produk baharu dalam sektor ekonomi.

**3** Menyediakan penandaarasan baharu bagi statistik ekonomi.

**4** Meningkatkan kapasiti statistik negara serta memperkasa pangkalan data ekonomi Malaysia.

# Liputan BE 2026

Banci Ekonomi (BE) ialah penghitungan komprehensif yang merangkumi semua **pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar, termasuk pertubuhan bukan berasaskan keuntungan,** bagi menggambarkan keseluruhan landskap ekonomi Malaysia.

## Pertubuhan perniagaan

### Berdaftar dengan SSM

- *Registration of Company*
- *Registration of Business*

### Berdaftar dengan Agensi Berkaitan

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Agensi Pertanian
- Berdaftar dengan Badan Profesional
- Agensi Lain

### Tidak Berdaftar (Sektor informal)

- Perniagaan dalam Talian
- Homestay
- Penjaja

## Pertubuhan Perniagaan Tidak Berasaskan Keuntungan

### Berdaftar dengan ROS

### Tidak Berdaftar

- Pertubuhan Kebajikan dan keagamaan

# Pelaksanaan BE 2026

1. Berdaftar: berdaftar dengan agensi kerajaan dan organisasi yang terlibat sebelum menjalankan aktiviti ekonomi

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Badan Professional

2. Tidak berdaftar: aktiviti perniagaan tanpa pendaftaran yang sah melalui agensi kerajaan atau organisasi yang ditetapkan

# Skop & Liputan

## Berdasarkan Industri MSIC 2025

- 5 Sektor
- 19 Seksyen
- 1,207 Industri

**Pertanian**
1 Seksyen I 153 Industri

**Perlombongan & Pengkuarian**
1 Seksyen I 46 Industri

**Pembuatan**
1 Seksyen I 262 Industri

**Pembinaan**
1 Seksyen I 78 Industri

**Perkhidmatan**
15 Seksyen I 668 Industri

# Aktiviti Perniagaan Informal

Banci Ekonomi 2026 akan meliputi sektor informal seperti *homestay*, borong & runcit, katering, penjaja makanan & minuman yang dikategorikan sebagai *visible informal activities*

**Aktiviti Perniagaan Informal**

- *Homestay*
- Borong & Runcit
- Penjaja makanan & minuman
- Katering